

APA YANG
MENYATUKAN
KITA.

Komitmen Kita

PRESTASI

Pelanggan kita mempunyai pilihan, dan prestasi kita menentukan sama ada mereka memilih kita. Kita bercita-cita tinggi, menetapkan matlamat yang tinggi, dan menyampaikan hasil, dan kita menggunakan maklum balas pelanggan untuk membuat pelarasan apabila perlu. Kita bertindak pantas dan membuat keputusan dalam masa yang singkat atas alasan yang munasabah kerana masa depan kita bergantung padanya. Kita memberi kuasa yang sewajarnya kepada orang yang paling rapat dengan pelanggan dan kerjanya.

INOVASI

Kita adalah syarikat yang memupuk komitmen dalam penyelidikan dan pembangunan. Pencapaian pengasas kita memberi inspirasi kepada kita agar sentiasa mencari idea inovatif, berdaya tinggi dan dapat dipasarkan yang seterusnya. Kita mencari dan berkongsi idea secara terbuka dan menggalakkan kepelbagaian pengalaman dan pandangan.

PELUANG

Idea dan inspirasi kita sentiasa mewujudkan peluang, dan tanpa had. Kita meningkatkan secara berterusan dalam segala apa yang kita lakukan, sebagai sebuah syarikat dan sebagai individu. Kita menyokong dan mengusahakan pembelajaran sepanjang hayat untuk meluaskan pengetahuan dan kemampuan kita dan untuk melibatkan diri kita dengan dunia di luar UTC. Keyakinan mendorong kita untuk mengambil risiko, ingin mencuba, bekerjasama antara satu sama lain, dan, sentiasa belajar daripada akibat tindakan kita.

TANGGUNGJAWAB

Perniagaan yang berjaya meningkatkan kesejahteraan manusia. Kita memelihara piawai etika, alam sekitar dan keselamatan yang tertinggi di mana sahaja dan kita menggalakkan serta mengiktiraf peranan aktif pekerja dalam komuniti.

KEPUTUSAN

Kita merupakan pilihan utama para pelabur kerana kita memenuhi sasaran agresif dalam apa jua keadaan ekonomi. Kita berkomunikasi secara jujur dan berterusterang dengan para pelabur, dan menyampaikan secara konsisten apa yang telah kita janjikan. Kita adalah syarikat realistis dan optimis, dan kita mengamalkan nilai ini dalam segala perkara yang kita lakukan.